

**Najib Ucap Terima Kasih Atas Kepercayaan Masyarakat Telegu Terhadap Kerajaan Bernama**  
**10 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Telegu di negara ini atas kepercayaan berterusan mereka terhadap kerajaan.

Dalam perutusan Tahun Baharu masyarakat itu dikenali sebagai 'Ugadhi', Najib berkata kepercayaan itu telah membantu meningkatkan kualiti hidup dan memelihara kebudayaan masyarakat Telugu di negara ini.

"Sempena Tahun Baharu Telegu atau Ugadhi, ia memberikan saya penghormatan besar untuk mengajak semua rakyat Malaysia bersama-sama saya mengucapkan 'Ugadhi Subhakanshalu' kepada semua kawan-kawan Telegu kita.

"Atas semangat 1Malaysia, biar kita berganding bahu dan berusaha ke arah membawa transformasi sebenar kepada masyarakat itu serta negara kita," katanya dalam kenyataan hari ini sempena 'Ugadhi' yang disambut esok.

Terdapat sekitar 300,000 masyarakat Telegu keturunan India di negara ini.

Dalam perutusan sama, Presiden MIC Datuk Seri G.Palanivel berharap masyarakat Telegu akan tetap bersatupadu dalam menghadapi cabaran masa depan.

Beliau berkata Tahun Baharu itu adalah masa untuk keluarga memulakan hidup baharu dengan menetapkan sasaran, semangat dan usaha baharu bagi memastikan masa depan dan kelangsungan masyarakat itu.

Sambil mengucapkan 'Ugadi Subhakanshalu' kepada semua masyarakat Telugu, beliau berkata Malaysia diberkati dengan masyarakat berbilang agama dan budaya yang telah belajar untuk menghormati amalan dan budaya semua penduduk.

Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S.Subramaniam dalam mesej sama berkata toleransi dan penerimaan perlu dijadikan sebahagian daripada amalan hidup dalam negara pelbagai kaum dan agama.

Persatuan Telegu Malaysia (TAM) akan mengadakan sambutan 'Ugadhi' di kuil Batu Caves di sini pada pukul 7 malam esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941070>